

25/06/1999

Dua syarikat kereta Jepun bina pusat latihan

Mohd Feroz Abu Bakar

DUA syarikat automotif dari Jepun bersetuju menubuhkan bengkel yang juga berfungsi sebagai pusat latihan di negara ini bagi memberi kemahiran dalam perkhidmatan selepas jualan kepada pekerja tempatan dan rantau ini.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, berkata Honda Motor Co Ltd dan Toyota Motor Corp pada dasarnya bersetuju menubuhkan bengkel itu ketika pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jepun, awal bulan ini.

Katanya, dalam lawatan Perdana Menteri ke kilang Toyota dan Honda di Jepun baru-baru ini, kedua-dua syarikat itu bersetuju menubuhkan bengkel yang akan melatih pekerja tempatan dalam bidang pembaikan serta penyenggaraan kenderaan.

"Kementerian Sumber Manusia diberi tanggungjawab melaksanakan tugas ini dan kita sudah menghantar jemputan bertulis kepada kerajaan Jepun berkaitan perkara ini tetapi masih menunggu jawapan rasmi.

"Kita berharap dapat menubuhkan bengkel ini secepat mungkin kerana latihan ini bukan sahaja untuk manfaat pekerja tempatan tetapi juga akan dibuka kepada negara luar seperti Afrika Selatan yang berminat untuk mendapat latihan yang sama," katanya kepada pemberita selepas Majlis Konvoquesyen Institusi Latihan Jabatan Tenaga Rakyat (JTR) di Shah Alam, Selangor, semalam.

Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia, Datuk Anuar Ab Latif dan Ketua Pengarah JTR, Mohd Nawi Ahmad.

Seramai 3,226 graduan peringkat sijil dari sembilan Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan 14 graduan diploma Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) menerima sijil masing-masing dalam majlis dua hari itu.

Antara mereka ialah graduan ILP Kuala Terengganu Mahamat Sarizan Che Shaari yang menerima Anugerah Emas 1999 dan Pelatih Terbaik Program Latihan Pengajar Kebangsaan (NITP) CIAST, Shah Alam, Muhd Sanusi Mohammad.

Lim berkata, penubuhan bengkel oleh syarikat Jepun itu amat penting kepada negara ini kerana kemasukan pekerja mahir dari Jepun di negara ini dapat menjimatkan kos melatih pekerja tempatan di luar negara.

Dalam perkembangan lain, Lim berkata Kementerian Sumber Manusia membelanjakan hampir RM1 bilion dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000) bagi membina 10 institut latihan baru di seluruh negara.

"Daripada 10 institut baru ini, kerajaan membuat pelaburan secara purata RM100 juta untuk membina sebuah institut latihan kerana kos peralatan atau kelengkapannya yang berteknologi tinggi.

"Lima daripada institut itu adalah ILP untuk teknologi tinggi, Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI) di Pulau Pinang dan empat Pusat Latihan Kemahiran Teknologi Tertinggi (ADTEC).

"Tambahan 10 institut ini akan membolehkan Kementerian Sumber Manusia mengeluarkan 17,000 pekerja mahir setahun dalam 31 bidang kemahiran berbanding 4,000 sekarang," katanya.

Selain JMTI di Pulau Pinang, Lim berkata, ADTEC masing-masing dibina di Selangor, Johor, Melaka dan Kedah.

Dalam ucapannya, Lim berkata, kampus tetap JMTI di Pulau Pinang akan mula mengambil 200 pelajar baru mulai Januari tahun depan, selain 58 pelatih sedia ada di kampus sementara di CIAST, Shah Alam manakala sembilan institut lain pula akan beroperasi mulai akhir tahun depan.

"JMTI menawarkan program diploma dalam kejuruteraan komputer,

elektronik, mekatronik dan pembuatan manakala NITP di CIIAST menawarkan diploma dalam bidang kimpalan, pengeluaran, automotif, elektronik dan mekatronik.

"ADTEC menawarkan program berteknologi tinggi seperti rekaan dan pembuatan berbantu komputer (CAD/CAM), automasi dan teknologi maklumat (IT).

"Semua bidang ini menjadi keutamaan kerajaan untuk mengeluarkan pekerja mahir seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian," katanya.

Beliau turut menasihati graduan agar sentiasa mempertingkatkan ilmu atau kemahiran mereka untuk memenuhi perkembangan pesat industri kerana latihan asas yang diterima oleh mereka masih perlu ditingkat dari semasa ke semasa.

"Berikutan peralihan industri kepada kegiatan pengilangan berteknologi tinggi, lebih ramai tenaga manusia terlatih diperlukan bagi menambah daya saing industri tempatan.

"Tumpuan harus diberikan kepada pembangunan industri berorientasikan eksport, industri yang mempunyai nilai tambah yang tinggi dan penggunaan bahan tempatan.

"Pembangunan dalam sektor ini memerlukan tenaga mahir berilmu, terlatih, produktif dan graduan mestilah berusaha untuk meningkatkan ilmu dalam bidang berkenaan," katanya.

(END)